

**TEKS UCAPAN**  
**KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**NAIB CANSOLOR UniMAP**  
**BERSEMPENA DENGAN MAJLIS FIESTA MUZIKA MAKUM 2007 PADA 24 MAC**  
**2007 DI DEWAN KAPITOL**

Bismillah Hirrahman Nirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor UniMAP.

Ampun tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku bercemar Duli berangkat ke Fiesta Muzika MAKUM 2007 pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku pada malam ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis Dan Yang Berbahagia Datin Seri.

Yang Berhormat Dato' Haji Che Sulaiman Shafie, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis Dan Yang Berbahagia Datin.

Yang Berhormat Tuan Haji Ismail Osman, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Dan Yang Berbahagia Isteri.

Ahli- Ahli Yang Berhormat. Dif – Dif Kehormat.

Y. Bhg. Prof Ir. Dr. Amir Hashim Mohd Kassim, Timbalan naib Canselor Hal Ehwal pelajar dan Alumni Universiti Tun Hussein Onn Malaysia merangkap Pengerusi Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malasysia (MAKUM)

Y.Bhg. Timbalan – Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) IPTA. Pegawai-Pegawai Utama Universiti. Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan.

Wakil-Wakil Media. Peserta-Peserta Fiesta Muzika.

Seterusnya Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang tidak putus-putus bermurah hati memanjangkan usia dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam Fiesta Muzika MAKUM bagi tahun 2007 pada malam ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan tetamu serta dif-dif kehormat yang telah sudi hadir ke majlis ini bagi memeriahkan lagi majlis kita pada malam ini. Ucapan selamat datang kepada para peserta Fiesta Muzika yang terdiri daripada 13 buah IPTA dan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dan yang berjaya memasuki pertandingan akhir Fiesta Muzika MAKUM 2007.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa Fiesta Muzika MAKUM kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada malam ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Muzik ditakrifkan sebagai bunyi yang mengalunkan irama yang sangat merdu dan lunak didengar malah amat menyenangkan. Keindahan ini di jelmakan dalam pelbagai cara, iaitu samada dilihat ataupun dinikmati dengan menggunakan pancaindera yang lain. Muzik daripada pandangan Islam adalah sebahagian daripada kebaikan duniawi yang harus dinikmati.

Nyanyian yang lunak adalah santapan jiwa manusia, menyegarkan otak dan disukai oleh pendengaran. Ia adalah kelazatan bagi telinga sepertimana makanan yang menjadi kelazatan bagi mulut dan perut. Pemandangan yang indah menjadi kelazatan bagi mata dan bauan yang harum menjadi kelazatan bagi hidung dan

sebagainya. Oleh itu setiap yang baik dipandang oleh jiwa dengan baik; akal manusia yang sejahtera adalah halal sebagai kerahmatan kepada umat Islam.

Oleh itu selaras dengan tema pada tahun ini 'Seni Muzik Memartabatkan Budaya dan Warisan' akan menekankan bahawa muzik satu cabang kesenian yang mampu memartabatkan budaya dan warisan melalui penghayatan yang seimbang. Penghayatan yang seimbang akan membantu para mahasiswa/i agar tidak terpengaruh dengan anasir muzik yang negatif.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Kita haruslah beranggapan bahawa seni muzik bukan hanya hiburan semata-mata tetapi merujuk kepada bakat dan kemahiran yang perlu dijiwai oleh semua pelajar dan perlu dipertahankan agar ianya tidak luput ditelan zaman. Harapan saya dengan penganjuran fiesta muzika seperti ini ianya dapat mempertahankan seni muzik warisan bangsa ini disamping memperkenalkannya kepada generasi muda yang mungkin sedikit alpa dan mengagungkan muzik luar yang tidak mencerminkan budaya dan warisan kita.

Kesenian muzik Malaysia begitu indah jika diperhatikan dari sudut positif kerana ia dapat mencerminkan budaya dan warisan sesuatu bangsa dan melalui muzik sesuatu maklumat dapat disampaikan kepada masyarakat. Kebudayaan merupakan elemen penting dalam mendidik jiwa setiap insan mengenali sejarahnya. Ianya juga bertepatan dengan Sambutan 50 tahun kemerdekaan Negara, saya merasakan ianya perlu dianjurkan untuk memberi peluang kepada generasi baru memahami budaya bangsanya sendiri. Ianya sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan jatidiri rakyat agar mencintai Negeranya sendiri. Orang yang tidak mengetahui sejarahnya akan menjadi manusia yang tiada identiti dan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang boleh merosakkan.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Menyingkap tahun-tahun terdahulu, UniMAP atau pada masa itu dikenali sebagai KUKUM telah menganjurkan dua acara besar di peringkat IPTA Malaysia iaitu Fiesta Muzika dan Festival Nasyid Kemerdekaan. Pada tahun ini sekali lagi UniMAP berpeluang menganjurkan Fiesta Muzika bagi tahun 2007. Ini membuktikan bahawa UniMAP bukan lagi universiti baru, malah kini mampu bersaing dengan universiti-universiti lain di peringkat kebangsaan dalam bidang kebudayaan selain itu turut menyertai pertandingan yang dianjurkan oleh pihak IPT lain.

Kepada semua peserta jadikanlah pertandingan ini bukan sekadar sebuah pertandingan tetapi sebagai medan untuk menyelami dan memahami budaya bangsa melalui muzik. Akhir kata dengan penganjuran fiesta muzika sebegini ianya dapat mempertahankan budaya bangsa warisan zaman.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Tuanku di atas perkenan berangkat ke majlis pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku begitu besar ertinya buat kami semua. Patik sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.